



JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Malay Language Education Journal

Minat dan Persepsi Murid Melayu daripada Keluarga Sosioekonomi Tinggi di Sebuah Sekolah Antarabangsa Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

(Interest and Perception Malay Student from High Socioeconomic Families at an International School Towards Malay Language Learning)

Nor Ashikin Hedzir¹, Heritos Muling² & Siti Aishah Sembai Aban Abdullah³

¹ Mutiara International Grammar School, Lot 707, 68000 Ampang, Selangor, MALAYSIA.

² SK. Rumah Essau, D/A PPD Subis, 98150 Bekenu, Sarawak, MALAYSIA.

³ SK. Kelapa Sawit No. 4, Subis, 98150 Bekenu, Sarawak, MALAYSIA.

Koresponden: **Nor Ashikin Hedzir**; egyngarcia@hotmail.com

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Disember, 2022

Volume: 12

Bilangan: 02

Halaman: 94-101

Dihantar pada:

20 November 2021

Diterima pada:

30 Julai 2022

Abstrak: Bahasa Melayu ialah bahasa rasmi dalam konteks pendidikan di Malaysia. Di sekolah antarabangsa, Bahasa Melayu ialah bahasa kedua kepada murid-murid warganegara Malaysia yang belajar di sekolah antarabangsa tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka minat murid pembelajaran Bahasa Melayu dalam murid kaum Melayu yang datang daripada keluarga sosioekonomi tinggi (Top 20-T20) di belajar di sebuah sekolah antarabangsa. Seramai tiga orang murid keluarga T20 dijadikan peserta kajian. Ketiga-tiga peserta kajian berumur 11 tahun dan kesemua mereka ialah murid lelaki. Kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan analisis dokumen. Data temu bual dianalisis secara bertema. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid T20 ini tidak berminat belajar Bahasa Melayu. Mereka beranggapan Bahasa Melayu tidak penting dan membosankan. Ibu bapa murid Melayu T20 tidak ada masa, sibuk bekerja, tidak bertutur dalam Bahasa Melayu sebaliknya bertutur bahasa Inggeris di rumah. Implikasi daripada kajian ini ialah Bahasa Melayu tidak penting bagi murid-murid yang belajar di sekolah antarabangsa, termasuk dalam kalangan murid kaum Melayu. Faktor sosioekonomi murid yang datang daripada keluarga T20 banyak mempengaruhi penggunaan Bahasa Melayu, terutamanya di rumah. Oleh itu, guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah antarabangsa perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka agar murid-murid T20 ini berminat, berasa seronok dan bermotivasi untuk belajar Bahasa Melayu. Sikap negatif mereka terhadap Bahasa Melayu yang dianggap tidak penting dan membosankan perlu diatasi melalui pengajaran yang kreatif dan menyeronokkan.

Kata kunci: Keluarga sosioekonomi tinggi, sekolah antarabangsa, bahasa kedua, pembelajaran Bahasa Melayu

Abstract: Malay Language is the official language in the context of education in Malaysia. In international schools, Malay Language is the second language of Malaysian students studying in the international school. Thus, this study aims to explore the interest of Malay language learning students in Malay students who come from high socio-economic families (Top 20-T20) to study in an international school. A total of three students from the T20 family were included in the study. All three study participants were 11 years old and all of them were male students. Qualitative research using interview and document analysis method was used. Interview data were analyzed thematically. The findings of the study show that these T20 students are not interested in learning Malay Language. They think that Malay Language is not important and boring. The parents of T20 students have no time, are busy working, do not speak in Malay Language but speak English at home. The implication of this study is that Malay Language is not important for students studying in international schools, including among Malay students. Socio-economic factors of students who come from T20 families greatly influence the use of Malay Language, especially at home. Therefore, Malay Language teachers who teach in international schools need to diversify their teaching methods so that these T20 students are interested, feel fun and motivated to learn Malay Language. Their negative attitude towards the Malay Language which is considered unimportant and boring needs to be overcome through creative and fun teaching.

Keywords: High socioeconomic family, international school, second language, Malay Language learning

PENGENALAN

Sekolah antarabangsa merupakan sekolah yang ditubuhkan untuk golongan ekspatriat yang bekerja atau menjalankan perniagaan di Malaysia. Sekolah antarabangsa sangat berbeza dengan sekolah kebangsaan kerana sekolah antarabangsa menggunakan kurikulum dari luar Negara. Selain itu, sekolah antarabangsa juga tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar sebagaimana sekolah kebangsaan. Antara kurikulum yang digunakan di sekolah antarabangsa ialah kurikulum Amerika, British dan Kanada. Namun, sekolah antarabangsa bukan lagi sekolah untuk anak-anak ekspatriat malah sekolah antarabangsa menjadi pilihan ibu bapa yang berstatus sosioekonomi tinggi.

Sekolah antarabangsa berkembang pesat di Malaysia kerana permintaan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa. Hal ini disebabkan ibu bapa mempunyai keinginan dan hasrat mereka tersendiri iaitu ingin menghantar anak-anak mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara setelah tamat persekolahan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2018), sekolah antarabangsa mempunyai kurikulum yang berbeza dengan sekolah kebangsaan menyebabkan ibu bapa sangat berminat untuk menghantar anak-anak di sekolah antarabangsa. Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib dipelajari di sekolah antarabangsa. KPM telah menetapkan bahawa syarat pembukaan sekolah antarabangsa adalah dengan mewajibkan murid-murid di sekolah antarabangsa mempelajari Bahasa Melayu walaupun Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar di sekolah antarabangsa.

Peratusan peningkatan kemasukan murid-murid ke sekolah antarabangsa saban tahun semakin meningkat. Ahmad Suhael (2019) melaporkan bahawa 64 peratus daripada murid di sekolah antarabangsa merupakan warganegara Malaysia. Hal ini disebabkan terdapat ramai rakyat Malaysia yang berpendapatan tinggi (T20) lebih gemar menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah antarabangsa. Golongan yang berstatus T20 sangat gemar menghantar anak-anak mereka untuk mempelajari kurikulum antarabangsa di sekolah antarabangsa. Ahmad Suhael (2019) mendapati peningkatan terhadap peratusan murid tempatan di sekolah antarabangsa khususnya golongan berpendapatan tinggi (T20) semakin meningkat saban tahun. Kajian ini jelas membuktikan bahawa ibu bapa yang berpendapatan tinggi lebih gemar memilih sekolah antarabangsa untuk pendidikan anak-anak mereka, termasuk dala kalangan orang Melayu T20. Kajian Rohaida et al. (2009) menjelaskan bahawa sosioekonomi keluarga memainkan peranan penting terhadap pencapaian murid di sekolah. Justeru, trend ibu bapa kaum Melayu T20 yang menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah antarabangsa membuktikan bahawa faktor sosioekonomi boleh

mempengaruhi persekolahan dan pembelajaran anak-anak.

PENYATAAN MASALAH

Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar di setiap sekolah antarabangsa. Oleh itu, penggunaan Bahasa Melayu sangatlah terhad dalam kalangan murid di sekolah antarabangsa. Murid- murid hanya mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas Bahasa Melayu, iaitu selama dua jam seminggu. Masa yang tidak mencukupi dalam mempelajari Bahasa Melayu menyebabkan murid-murid tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Bahkan, murid- murid tidak meminati Bahasa Melayu dan mempelajari Bahasa Melayu sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Fatin Rabiha (2021) di mana murid-murid sekolah antarabangsa tidak meminati Bahasa Melayu dan seterusnya tidak mengaplikasikan bahasa ini sebagai bahasa pertuturan harian mereka.

Golongan yang berstatus sosioekonomi tinggi (T20) ataupun ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi lebih gemar menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah antarabangsa. Hal ini disebabkan mereka lebih mengutamakan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu. Mereka lebih mementingkan Bahasa Inggeris kerana bahasa ini merupakan bahasa yang sangat penting dan merupakan bahasa antarabangsa. Ibu bapa berstatus T20 menganggap bahawa penguasaan Bahasa Inggeris yang baik tidak akan menyukarkan anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara selepas tamat sesi persekolahan kelak. Sekolah antarabangsa yang menekankan Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu menyebabkan murid-murid daripada keluarga T20 lebih gemar mempelajari bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu (Ahmad Suhael, 2019)

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Melayu T20 di sebuah sekolah antarabangsa, Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Meneroka minat murid T20 terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa.
2. Meneroka kesan pengaruh ibu bapa T20 terhadap pembelajaran murid dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa daripada perspektif murid T20.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif sepenuhnya. Penyelidikan secara kualitatif membantu penyelidik mengkaji secara lebih mendalam fenomena yang berlaku dalam kajian tersebut secara realitinya

(Mohd Majid, 2005). Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih seramai tiga orang murid lelaki berbangsa Melayu di sebuah sekolah antarabangsa untuk dijadikan sebagai peserta kajian. Peserta kajian dipilih menggunakan pensampelan tidak rawak bertujuan. Pemilihan ketiga-tiga peserta kajian kerana mereka bertiga berasal daripada keluarga yang berstatus sosioekonomi yang tinggi (Top 20-T20).

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan penelitian dokumen. Soalan temu bual disediakan oleh pengkaji dan analisis dokumen terhadap buku rekod kemajuan murid digunakan untuk tujuan pungutan data kajian. Pengkaji telah menyediakan soalan-soalan temu bual berkaitan status sosioekonomi murid sebagai data kajian. Pengkaji telah membuat temu bual bersama peserta kajian secara bergilir-gilir di bilik darjah. Penerangan berkaitan dengan objektif kajian ini diberi sebelum sesi temu bual dijalankan.

Tujuan kaedah temu bual diadakan untuk membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang sukar diperoleh secara langsung misalnya berkaitan dengan isu sensitif, sensasi dan sebagainya. Kaedah kajian ini juga membantu pengkaji mendapat maklumat sokongan terhadap budaya pembelajaran dan pengajaran (PdP) di sekolah terlibat. Dalam kajian ini, peserta kajian yang dipilih adalah daripada kalangan murid Melayu yang mempunyai latar belakang sosioekonomi daripada keluarga T20. Data temu bual dianalisis dalam bentuk transkrip setelah selesai menemu bual semua peserta kajian.

Data temu bual dianalisis untuk mencari tema-tema yang wujud. Data temu bual ditranskripsikan dan proses pengekodan dijalankan terhadap transkripsi temu bual bagi setiap peserta kajian. Hasil analisis data temu bual dipersembahkan dalam bentuk memerihalkan semula dengan menggunakan kekerapan tema. Pengkaji melakukan pembedaan ejaan perkataan agar menjadi lebih formal tanpa mengubah maksud ayat asal. Analisis dokumen dilakukan dengan mendapatkan pencapaian peperiksaan akhir tahun bagi ketiga-tiga peserta kajian. Prestasi pencapaian Bahasa Melayu bagi ketiga-tiga peserta kajian dianalisis secara teliti untuk mendapatkan ketepatan data.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Peserta Kajian

Jadual 1 memaparkan demografi peserta kajian. Kesemua tiga peserta kajian lelaki kaum Melayu ini berumur 11 tahun dan dating daripada keluarga Melayu T20.

JADUAL 1. Demografi peserta kajian

Peserta Kajian	Umur	Jantina	Bangsa	Status Sosioekonomi
PKA	11	Lelaki	Melayu	T20
PKB	11	Lelaki	Melayu	T20
PKC	11	Lelaki	Melayu	T20

Minat Murid-Murid Melayu Keluarga T20 Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 2 menunjukkan tema-tema yang diperoleh daripada temu bual untuk persoalan kajian yang pertama, iaitu berkaitan dengan minat murid-murid Melayu T20 terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa.

JADUAL 2. Minat murid Melayu T20 terhadap pembelajaran Bahasa Melayu

Tema	Minat Peserta Kajian			Jumlah
	PKA	PKB	PKC	
1. Tidak berminat	/	/	/	3
2. Tidak menarik	-	/	/	2
3. Tidak penting	-	/	/	2
4. Kurang fokus di dalam kelas	/	/	-	2
5. Bosan	/	/	/	3
6. Tidak yakin bertutur	/	/	-	2
7. Tidak selesai bertutur	-	-	/	1
8. Tidak faham	/	-	/	2

Berdasarkan Jadual 2, terdapat lapan tema yang ditemui hasil daripada temu bual yang berkaitan dengan minat murid Melayu T20 terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa. Daripada semua tema tersebut, tema tidak berminat dan tema bosan merupakan tema yang ketiga-tiga peserta kajian tidak berminat belajar Bahasa Melayu. Sebagai contoh, ketiga-tiga peserta kajian mengatakan bahawa mereka tidak berminat belajar Bahasa Melayu. Ini dapat dibuktikan dengan melalui transkrip temu bual bersama ketiga-tiga peserta kajian:

- *Not sure teacher. Tapi no much minat BM. (PKA)*
- *Tidak minat sebab little bit boring cikgu. (PKB)*
- *Teacher, actually saya tidak minat. (PKC)*

Dalam pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas, ketiga-tiga peserta kajian mengatakan bahawa mereka berasa bosan mempelajari Bahasa Melayu. Berikut merupakan bukti dapatan hasil dari transkrip temu bual bersama ketiga-tiga peserta kajian:

- *Saya kurang minat BM because I felt boring. (PKA)*
- *Bit boring. (PKB)*
- *Bosan saya rasa dalam kelas. (PKC)*

PKB dan PKC pula mengatakan bahawa mereka tidak suka akan mata pelajaran Bahasa Melayu kerana tidak menarik pada pendapat mereka. Ini dapat dibuktikan dengan transkrip temu bual mereka:

- Tak suka cikgu. Sebab tidak minat sangat *teacher*. (PKB)
- *I'm not interested teacher because not best.* (PKC)

PKB dan PKC juga mengatakan bahawa mereka tidak bersungguh-sungguh mempelajari Bahasa Melayu kerana Bahasa Melayu pada pendapat mereka tidak penting. Peserta kajian C mengatakan bahawa dia hanya belajar Bahasa Melayu kerana peperiksaan sahaja. Ini sejajar dengan hasil dapatan transkrip temu bual bersama PKB dan PKC:

- *Tidak penting sangat BM teacher.* (PKB)
- *I'm just study because exam. So, just study saja teacher.* (PKC)

Seterusnya, PKA dan PKB mengatakan bahawa mereka tidak menumpukan perhatian di dalam kelas Bahasa Melayu kerana tidak fokus. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan transkrip temu bual berikut:

- *Sorry teacher, I am not focus in BM class.* (PKA)
- *Tidak fokus teacher sebab tidak menarik.* (PKB)

Ada juga peserta kajian mengatakan bahawa mereka tidak begitu yakin bertutur dalam Bahasa Melayu semasa di dalam kelas seperti yang dinyatakan oleh PKA dan PKB menerusi transkrip temu bual berikut:

- *...not bersungguh-sungguh teacher sebab I not confident to speak in BM.* (PKA)
- *I'm afraid speaks in BM, takut salah dalam kelas.* (PKB)

PKC menyatakan bahawa dia tidak selesa menggunakan Bahasa Melayu seperti: *I'm not comfortable when try speaks in BM standard.* Manakala PKA dan PKC mengatakan bahawa mereka jarang menyiapkan kerja rumah Bahasa Melayu kerana kurang faham tentang kerja rumah tersebut. Ini dapat dibuktikan dengan transkrip temu bual berikut:

- *... sometimes tidak juga sebab saya tidak faham.* (PKA)
- *I do and sometimes not really understand teacher.* (PKC)

Hasil-hasil dapatan temu bual di atas dapat juga dibuktikan lagi bahawa ketiga-tiga peserta kajian kurang berminat dengan Bahasa Melayu melalui rekod kemajuan mereka (analisis dokumen). Rekod kemajuan ini berdasarkan pencapaian akhir tahun para peserta kajian. Pada rekod kemajuan yang ditunjukkan Rajah 1, 2 dan 3), PKA dan PK B hanya mencapai gred D

iaitu mencapai tahap minimum. PKC hanya pula mencapai gred C iaitu pada tahap mencapai memuaskan.

No	Name	Homework	Assessment	Final Exam	Total	Grade	COMMENT
1	Peserta A	10	7	32	49	D	<p>This semester, [redacted] has studied the topics of Meeting People From Different Backgrounds, Living and Holidaying Abroad & Food and Drinks Around The World.</p> <p>[redacted] has making a satisfactory progress this semester. He displays an interested towards the subject. However, [redacted] needs to read more Malay Language books to improve his writing and speaking skills. Also, he will gain more vocabularies by reading books. [redacted] needs to improve his concentration skills in the class. I hope to see him put on more effort in this coming semester.</p>

RAJAH 1. Rekod kemajuan PKA

No	Name	Homework	Assessment	Final Exam	Total	Grade	COMMENT
2	Peserta B	10	6	30	46	D	<p>This semester, [redacted] has studied the topics of Meeting People From Different Backgrounds, Living and Holidaying Abroad & Food and Drinks Around The World.</p> <p>[redacted] has making a satisfactory progress this semester. He displays an interested towards the subject. However, [redacted] needs to read more Malay Language books to improve his writing and speaking skills. Also, he will gain more vocabularies by reading books. [redacted] needs to improve his concentration skills in the class. I hope to see him put on more effort in this coming semester.</p>

RAJAH 2. Rekod kemajuan PKB

No	Name	Homework	Assessment	Final Exam	Total	Grade	COMMENT
3	Peserta C	10	7	35	52	C	<p>This semester, [redacted] has studied the topics of Meeting People From Different Backgrounds, Living and Holidaying Abroad & Food and Drinks Around The World.</p> <p>[redacted] has making a satisfactory progress this semester. He displays an interested towards the subject. However, [redacted] needs to read more Malay Language books to improve his writing and speaking skills. Also, he will gain more vocabularies by reading books. [redacted] needs to improve his concentration skills in the class. I believe with more concentration and focus in class, he will get better grade in future. I hope to see him put on more effort in this coming semester.</p>

RAJAH 3. Rekod kemajuan PKC

Berdasarkan tema-tema yang diperoleh daripada temu bual minat peserta kajian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu, dapatlah disimpulkan bahawa:

1. Murid Melayu T20 kurang meminati Bahasa Melayu kerana mereka tidak tertarik dan suka dengan Bahasa Melayu.
2. Murid Melayu T20 juga merasakan bahawa Bahasa Melayu tidak begitu penting untuk pembelajaran mereka.
3. Murid Melayu T20 kurang fokus semasa sesi PdP.
4. Murid Melayu T20 mengatakan belajar Bahasa Melayu membosankan.
5. Murid Melayu T20 tidak yakin bertutur dalam Bahasa Melayu dan ada yang kurang faham akan isi kandungan Bahasa Melayu.
6. Murid Melayu T20 kurang berminat dengan Bahasa Melayu.

Pengaruh Ibu Bapa Melayu T20 Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu daripada Perspektif Murid

Dalam kajian ini juga, pengkaji turut melihat adakah faktor ibu bapa T20 turut memberi kesan terhadap pembelajaran peserta kajian (anak-anak mereka). Untuk mengetahui pengaruh ibu bapa T20 tersebut, temu bual bersama peserta kajian dijalankan untuk melihat sejauh mana ibu bapa yang berstatus ekonomi tinggi mempengaruhi pembelajaran Bahasa Melayu anak-anak mereka yang belajar di sekolah antarabangsa.

JADUAL 3. Pengaruh ibu bapa Melayu T20 terhadap pembelajaran Bahasa Melayu anak-anak mereka yang bersekolah di sekolah antarabangsa

Pengaruh Ibu Bapa				
Tema	PKA	PKB	PKC	Jumlah
1. Ibu bapa sibuk	/	/	/	3
2. Ibu bapa tiada masa	/	/	/	3
3. Ibu bapa tidak peduli	-	/	/	2
4. Tidak bertutur Bahasa Melayu di rumah	/	/	/	3
5. Membeli buku rujukan Bahasa Melayu	/	/	/	3
6. Ibu bapa mementingkan Bahasa Inggeris	/	/	/	3
7. Ibu bapa mengimpikan anak belajar/bekerja di luar negara	/	-	/	2

Berdasarkan Jadual 3, ketiga-tiga peserta kajian menyatakan bahawa ibu bapa mereka tidak begitu mengambil berat tentang mata pelajaran Bahasa Melayu mereka di rumah. PKA dan PKB menyatakan bahawa ibu bapa mereka sibuk bekerja dan PKC menyatakan bahawa ibu bapa dia tidak mempunyai masa untuk mengambil berat tentang mata pelajaran Bahasa Melayu. Ini dapat dibuktikan dengan transkrip temu bual berikut:

- *No lah teacher. My parents always buzy kerja. Their tiada masa tengok saya. (PKA)*
- *Ibu bapa kerja. No masa dengan saya. Saya dengan mak cik selalu ada di rumah kami. (PKB)*
- *Their no masa with me because their coming home late. (PKC)*

Ibu bapa peserta kajian juga tidak mengambil berat tentang mata pelajaran Bahasa Melayu. Kata PKB: *They not really care about my BM.* Sementara PKC menyatakan ibu bapa mereka tidak ambil berat Bahasa Melayu: *because theirs don't care about my BM actually.* Tambahan lagi, ibu bapa mereka tidak menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan di rumah. Ini dibuktikan lagi dengan transkrip temu bual daripada ketiga-tiga peserta kajian:

- *My parents speak in English with me. We not using BM. (PKA)*
- *Dalam English teacher. Kami memang speaks English. (PKB)*
- *BI teacher because sejak kecil speaks BI. (PKC)*

Ketiga-tiga keluarga peserta kajian turut menyatakan bahawa ibu bapa mereka kurang memberi dorongan kepada peserta kajian untuk mempelajari Bahasa Melayu. Ibu bapa ketiga-tiga peserta hanya mementingkan Bahasa Inggeris seperti kata peserta kajian:

- *My Parents said English is more important than BM. (PKA)*
- *Ibu bapa saya suka saya belajar English dari BM. My father said English important for my future. (PKB)*
- *...they said BI is really important. (PKC)*

Terdapat juga ibu bapa yang mengimpikan anak-anak mereka belajar dan bekerja di luar negara apabila dewasa kelak. Ada ibu bapa Melayu T20 lebih suka anak-anak mereka belajar di luar negara seperti ibu bapa PKA dan PKC:

- *...my parent just suruh saya belajar saja. My parent wants me study in Australia in future. (PKA)*
- *They want me works at oversea. (PKC)*

Walaupun ibu bapa kurang mengambil berat tentang Bahasa Melayu dan mementingkan Bahasa Inggeris, ibu bapa ketiga-tiga peserta kajian sentiasa memberi keperluan persekolahan seperti menyediakan buku rujukan Bahasa Melayu untuk anak-anak mereka belajar. Perkara ini sesuatu yang baik kerana ibu bapa T20 tidak mengabaikan keperluan persekolahan anak-anak mereka untuk belajar. Hal ini dapat dibuktikan melalui transkrip temu bual berikut:

- *Yes teacher. My parent buys some books untuk saya belajar BM. (PKA)*
- *Ada... ada... teacher. Sebab BM ada ujian too. (PKB)*
- *Yes. They buy some revision book for BM. (PKC)*

Kesimpulannya, jika dilihat tema-tema yang terhasil daripada pengaruh ibu bapa Melayu T20 terhadap pembelajaran Bahasa Melayu anak-anak mereka (peserta kajian), dapat disimpulkan bahawa:

1. Ibu bapa Melayu T20 kurang mementingkan Bahasa Melayu berbanding Bahasa Inggeris. Bahasa komunikasi yang digunakan di rumah adalah lebih kepada Bahasa Inggeris.
2. Ibu bapa Melayu T20 jarang mengambil berat tentang mata pelajaran Bahasa Melayu anak-anak mereka. Ini secara tidak langsung menyebabkan peserta kajian kurang terdedah dengan Bahasa Melayu dan kurang yakin bertutur menggunakan Bahasa Melayu standard di sekolah.
3. Ada juga ibu bapa Melayu T20 yang ingin anak-anak mereka belajar dan bekerja di luar negara dan sememangnya Bahasa Inggeris lebih penting bagi mereka kerana Bahasa Inggeris merupakan bahasa global untuk berkomunikasi.
4. Terdapat juga ibu bapa Melayu T20 yang menyediakan keperluan belajar untuk anak mereka seperti membeli buku rujukan Bahasa Melayu.

PERBINCANGAN

Minat Murid Melayu T20 di Sekolah Antarabangsa Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu

Dapatan kajian merumuskan bahawa murid-murid kaum Melayu yang sedang belajar di sekolah antarabangsa dan datang daripada keluarga T20 dan sosioekonomi yang tinggi kurang berminat untuk mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu. Murid Melayu T20 merasakan pembelajaran Bahasa Melayu tidak menarik untuk belajar kerana tidak begitu penting di sekolah antarabangsa. Mereka tidak yakin bertutur menggunakan Bahasa Melayu. Seperti yang kita sedia maklum bahawa, murid T20 tinggal di kawasan bandar. Mereka beranggapan menguasai Bahasa Inggeris adalah lebih baik. Oleh kerana Bahasa Inggeris menjadi bahasa pertama di sekolah antarabangsa, maka menguasai Bahasa Inggeris adalah menjadi keutamaan berbanding menguasai Bahasa Melayu. Hal ini akan memberi kesan tahap penguasaan murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu murid.

Minat seseorang murid terhadap sesuatu pembelajaran bergantung kepada faktor diri sendiri murid tersebut seperti yang dinyatakan dalam kajian Zaliza dan Zaitul Azma (2014). Sikap murid itu sendiri yang mendorong pemupukan minat dan suka terhadap sesuatu mata pelajaran di sekolah. Murid yang tidak berminat dengan sesuatu mata pelajaran di sekolah bakal memberi kesan buruk kepada tahap prestasi mereka di sekolah. Perkara ini harus diambil berat oleh pihak guru dan ibu bapa supaya tidak berterusan. Dalam kajian ini, murid Melayu T20 tidak berminat mempelajari Bahasa Melayu. Murid merasakan bahawa Bahasa Melayu tidak begitu penting, tidak

menggunakan Bahasa Melayu sebagai komunikasi yang utama dan tidak berkeyakinan berucap menggunakan Bahasa Melayu. Hal ini boleh mengurangkan minat murid Melayu T20 terhadap Bahasa Melayu. Hal ini terjadi kerana masa Bahasa Melayu yang diajar di sekolah antarabangsa tidak mencukupi seperti yang dinyatakan oleh Ahmad Suhael (2019).

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Rohaida et al. (2020) yang menyatakan bahawa murid keluarga B40 menghadapi kesukaran dalam menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid Melayu T20 sepatutnya tidak mempunyai sebarang masalah menguasai dan berminat mempelajari Bahasa Melayu. Hal ini kerana, murid T20 mempunyai lebih baik keperluan persekolahan dan sepatutnya tiada masalah menguasai Bahasa Melayu dengan lebih baik. Ibu bapa T20 mempunyai kemampuan untuk membeli bahan-bahan bacaan dan buku latihan Bahasa Melayu. Namun, sikap ibu bapa Melayu T20 yang lebih mengutamakan Bahasa Inggeris menyebabkan anak-anak mereka turut terpengaruh dengan sikap ibu bapa mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu.

Rumusannya, murid-murid Melayu daripada keluarga T20 perlu didedahkan dengan pelbagai kaedah PdP Bahasa Melayu yang dapat menarik minat mereka mempelajari Bahasa Melayu. Tidak kira di sekolah antarabangsa ataupun sekolah kerajaan, sikap memandang rendah terhadap Bahasa Melayu perlu dikikis dalam kalangan murid Melayu T20 ini. Guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah antarabangsa perlu memberi perhatian dalam hal ini. Walaupun kajian ini hanya melibatkan tiga orang murid Melayu T20, tetapi impak dapatan ini memberi kesan kepada Pendidikan Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa.

Pengaruh Ibu Bapa Melayu T20 Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Antarabangsa

Pencapaian akademik seseorang murid bergantung kepada faktor status sosioekonomi keluarganya seperti kajian yang pernah dilakukan oleh Hasnalee dan Zulkifli (2011). Dalam kajian tersebut, didapati faktor sosioekonomi memberi pengaruh kepada pencapaian dan perkembangan pendidikan murid. Jika dilihat kepada persoalan kajian ini, pengkaji ingin melihat sejauh manakah ibu bapa T20 mempengaruhi pembelajaran Bahasa Melayu dalam anak-anak mereka di sekolah antarabangsa. Setiap tahun, semakin ramai ibu bapa yang berpendidikan tinggi menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah antarabangsa. Perkara ini dibimbangi kerana mampu mengganggu pembelajaran Bahasa Melayu anak-anak warganegara. Hal ini kerana, mengikut peraturan, sekolah antarabangsa boleh memilih menggunakan kurikulum British, Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan

International Baccalaureate, namun diwajibkan mengajar subjek Bahasa Melayu, Sejarah dan Pendidikan Islam kepada murid tempatan. Hal ini disokong oleh Ahmad Suhael (2019) yang menyatakan bahawa subjek Bahasa Melayu dan Sejarah yang wajib diajar di sekolah antarabangsa juga tidak cukup untuk membina jati diri anak Malaysia dalam kalangan murid tempatan yang mengikuti pengajian di institusi itu.

Ada ibu bapa yang berhasrat menghantar anak-anak mereka bekerja di luar negara selepas tamat persekolahan atau menyambung belajar di universiti luar negara. Ini menyebabkan ibu bapa tidak mementingkan Bahasa Melayu dalam pelajaran anak-anak mereka bagi mereka Bahasa Melayu hanya digunakan di Malaysia sahaja. Perkara ini disokong oleh Ahmad Suhael (2019) yang mendapati ramai ibu bapa daripada kelas sosioekonomi tinggi (T20) lebih suka anak-anak mereka belajar di sekolah antarabangsa dan menyambung pengajian di luar negara. Kenyataan Ahmad ini selari dengan dapatan kajian ini yang mendapati ibu bapa Melayu T20 yang sibuk bekerja dan tiada masa untuk bersama anak-anak mereka lebih suka menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah antarabangsa. Ibu bapa Melayu T20 ini tidak begitu mengambil berat tentang pelajaran anak-anak termasuk ketika anak-anak mereka belajar Bahasa Melayu.

Selain itu, ibu bapa Melayu T20 yang berpendidikan tinggi dan berstatus sosioekonomi yang tinggi lebih gemar berbahasa Inggeris. Perkara ini sejajar dengan hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Nora'azian (2018) menyatakan ibu bapa yang mendapat pendidikan di Barat lebih gemar berbahasa menggunakan Bahasa Inggeris. Pemerolehan bahasa akan mempengaruhi anak-anak mereka semasa berkomunikasi di rumah. Murid-murid Melayu T20 ini lebih banyak terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi sehari-hari. Walau bagaimanapun, murid-murid Melayu T20 ada menyatakan bahawa ibu bapa mereka tidak mengabaikan keperluan persekolahan mereka. Ini merupakan salah satu sikap yang baik daripada kalangan ibu bapa Melayu T20. Dapatan ini sejajar dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Wening (2012) mendapati sosioekonomi ibu bapa yang tinggi dapat menyediakan keperluan pembelajaran yang selesa kepada anak-anak mereka.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberi gambaran kepada guru-guru, ibu bapa, pihak sekolah, pihak KPM mahupun penyelidik bahasa tentang tahap minat murid yang berlatar belakangkan status ekonomi tinggi. Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat umumnya bahawa murid-murid yang berlatar belakangkan keluarga berstatus ekonomi tinggi kurang berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu. Mereka berpendapat Bahasa Inggeris lebih penting berbanding

Bahasa Melayu yang tidak digunakan secara meluas di persada antarabangsa. Justeru, guru-guru Bahasa Melayu hendaklah mempelbagaikan strategi, kaedah dan teknik mengajar Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa agar dapat mengubah persepsi murid-murid di sekolah antarabangsa yang menganggap Bahasa Melayu tidak mempunyai kepentingan kepada mereka pada masa akan datang. Pihak KPM juga hendaklah merangka aktiviti yang mampu menarik minat murid-murid di sekolah antarabangsa. Misalnya, mengadakan program dengan sekolah-sekolah antarabangsa bagi meningkatkan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah antarabangsa. Menurut Nurul Huda dan Mohammad Khairil Ashraf (2021), KPM perlu menyelia sekolah-sekolah antarabangsa ini agar PdP Bahasa Melayu dilaksanakan sepenuhnya bagi yang mengikuti kurikulum kebangsaan.

KESIMPULAN

Tahap sosioekonomi murid mampu mempengaruhi minat murid dalam mempelajari Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa. Murid-murid di sekolah antarabangsa tidak bertutur dalam Bahasa Melayu sebaliknya Bahasa Inggeris adalah bahasa pengantar di sekolah antarabangsa. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa murid-murid Melayu daripada keluarga T20 menganggap Bahasa Melayu merupakan bahasa yang tidak penting di sekolah antarabangsa. Mereka akan melanjutkan pelajaran ke luar negara usai sahaja tamat persekolahan. Ibu bapa Melayu T20 yang berpendidikan tinggi juga memandang Bahasa Melayu sebagai bahasa yang tidak penting kerana mereka mempunyai hasrat yang tersendiri untuk anak-anak mereka. Oleh kerana sikap ibu bapa yang kurang mementingkan Bahasa Melayu dan memandang Bahasa Melayu sebagai subjek yang remeh, maka perkara ini mempengaruhi minat anak-anak mereka mempelajari Bahasa Melayu di sekolah antarabangsa.

RUJUKAN

- Ahmad Suhael Adnan. (2019). Sekolah antarabangsa jadi pilihan. *Berita Harian*, 18 November. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/629764/sekolah-antarabangsa-jadi-pilihan> (Diakses pada 28 Jun 2022)
- Fatin Rabiha Abdul Kadir. (2021). Kekaburan penggunaan rujukan kata ganti nama diri kami dan kita dalam kalangan penutur asing. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Hasnalee Tubah & Zulkifli Hamid. (2011). Pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid-murid LINUS. *Jurnal Melayu*, 6, 29-47.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Panduan Am Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Antarabangsa*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Swasta.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Johdi Salleh, Che Noraini Hashim, Ismael Hassanaen & Amir Hasan Dawi. (2009). Status sosioekonomi dan komitmen ibu bapa terhadap pencapaian murid dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. 14th International Conference on Education. Theme: Bridging Words: Making Connections in Education. Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam.
- Nora'azian Nahar. (2018). Tahap profesiensi Bahasa Melayu dan hubungannya dengan status sosioekonomi, motivasi belajar dan pencapaian akademik dalam kalangan murid bukan natif. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Nurul Huda Husain & Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid. (2021). Sekolah antarabangsa seliaan KPM mengajar Bahasa Melayu. *Sinar Harian*, 11 Oktober. <https://www.sinarharian.com.my/article/166277/BERITA/Nasional/Sekolah-antarabangsa-seliaan-KPM-mengajar-Bahasa-Melayu> (Diakses pada 28 Jun 2022)
- Wening Patmi Rahayu. (2012). Analisis intensitas pendidikan oleh orang tua dalam kegiatan belajar anak, status sosial ekonomi orang tua terhadap motivasi belajar dan prestasi belajar siswa. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran*, 18 (1), 65-71.
- Rohaidah Mazlan, Norziah Amin, Mohd, Zaki Abdul Rahman & Zamri Mahamod. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 54-73.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan motivasi terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134, 408-415.